

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : NASIONAL**

Penularan COVID-19

# MDA batal kelulusan bersyarat 2 jenama kit ujian kendiri

**Pembekal produk gagal patuhi syarat, dikhawatir tidak selamat**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
 bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Dua jenama kit ujian kendiri COVID-19 dibatalkan kelulusan bersyarat kerana gagal mematuhi syarat kelulusan yang diberikan oleh Pihak Berkua Peranti Perubatan (MDA).

MDA memaklumkan, pembataan itu berkuat kuasa serta-merta dan menasihahkan pengguna

supaya tidak membeli atau menggunakan kit ujian kendiri COVID-19 berkeraan.

"Pihak MDA membatalkan kelulusan bersyarat bagi Innovac Technology Sdn Bhd dan Conan Medical Technology Berhad.

"Pembatalan ini dibuat kerana establismen berkenaan gagal mematuhi syarat kelulusan yang diberikan oleh MDA.

"Berikut itu, MDA menasihati pengguna supaya tidak membeli atau menggunakan kit ujian kendiri COVID-19 yang tidak mematuhi keperluan MDA kerana dikehutir tidak selamat untuk digunakan," katanya dalam Facebook rasminya, kelmarin.


Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, menga-

rahkan MDA memanggil semua pembekal kit ujian kendiri COVID-19 dalam negara bagi menilai aduan yang diterima daripada pengguna.

Beliau dilaporkan berkata, ia susulan aduan mengenai penggunaan kit ujian itu yang menunjukkan keputusan COVID-19 meragukan.

Katanya, penilaian juga akan dibuat ke atas kit ujian yang diragui di pasaran untuk menentukan bahawa tiada kerosotan dari segi kualiti dari waktu ia diluluskan sehingga sekarang.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM) sehingga 27 Oktober 2021, terdapat 49 kit ujian kendiri COVID-19 yang diberi kelulusan bersyarat oleh MDA.



Petugas perubatan memberikan suntikan dos kedua vaksin COVID-19 jenis Comirnaty (Pfizer BioNTech) kepada kanak-kanak di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspos Seberang Jaya, Pulau Pinang, semalam.

(Foto Danial Saad/BH)

## 50 peratus kes baru babit kategori satu, individu tak bergejala

**Putrajaya:** Lebih 50 peratus kes baru COVID-19 yang dilaporkan kelmarin, membabitkan kategori satu atau individu ti-

dat bergejala.

Perkara itu dimaklumkan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, selepas 56.26 peratus daripada keseluruhan kes direkodkan kelmarin atau 4,354 kes membabitkan kategori berkenaan.

"Ia diikuti kategori dua dengan 3,318 kes atau 42.87 peratus, kategori tiga (34 peratus), kategori lima (19 peratus) dan kategori empat (14 peratus).

"Secara keseluruhannya daripada 67 kes bagi kategori tiga hingga lima itu, 42 kes membabitkan individu yang mempunyai komorbid.

"Selain itu, sejumlah 36 kes membabitkan lingkungan umur 60 tahun ke atas, sudah menerima dos penggalak (27 kes), tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksin (24 kes), sudah menerima dua dos vaksin, namun tiada dos penggalak (16 kes) dan ibu mengandung (satu kes)," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau turut memaklumkan setakat kelmarin, 427 kes COVID-19 dimasukkan ke hospital

membabitkan 56.2 peratus atau 240 kes dalam kalanjan pesakit kategori satu dan dua, serta 187 kes lagi bersamaan 43.8 peratus adalah kategori tiga hingga lima.

Mengulas penularan kluster COVID-19 di negara ini, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya berjaya mengesan dua lagi kluster baharu, sekali gus menjadikan kini terdapat 126 kluster masih aktif di negara ini.

Mengenai situasi katil di unit rawatan rapi (ICU) pula, beliau berkata dua negeri mencatatkan penggunaan katil melebihi 50 peratus iaitu di Putrajaya kini pada paras 100 peratus serta Selangor (52 peratus).

"Bagi katil bukan ICU, Putra jaya mencatatkan penggunaan melebihi 50 peratus, iaitu kini sebanyak 64 peratus katilnya sudah digunakan, manakala tiada negeri mencatatkan penggunaan katil melebihi 50 peratus di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, untuk penggunaan alat bantuan pernafasan di fasiliti kesihatan, peratusannya kini menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 12 peratus atau 102 pesakit.

KKM berjaya mengesan dua lagi kluster baharu, sekali gus menjadikan kini terdapat 126 kluster masih aktif di negara ini.

*Dr Noor Hisham Abdullah,  
 Ketua Pengarah Kesihatan*



**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : COVID-19**

# Turun tapi tak banyak

7,739 kes positif direkod kelmarin

Oleh Mahaizura  
 Abd Malik  
 mahaizura@  
 hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**es positif harian Covid-19 negara menurun kepada 7,739 kes kelmarin, berbanding 8,112 kes kelmarin pada Ahad lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaru itu menjadikan 4,333,557 kes kumulatif di Malaysia.

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu itu, sebanyak 7,716 kes adalah pernalaran tempatan, manakala 23 lagi kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Sebanyak 4,354 kes atau 56.26 peratus adalah pesakit kategori satu, diikuti 3,318 kes (42.87 peratus) kategori dua, 34 kes (0.44 peratus) kategori tiga, 14 (0.18 peratus) kategori empat dan 19 kes (0.25 peratus) kategori lima.

"Daripada kes Covid-19 kategori tiga hingga lima itu,


24 kes tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksinasi, 16 kes menerima dua dos vaksin, tetapi belum menerima dos penggalak, 27 kes menerima dos penggalak, 36 kes berumur 60 tahun dan ke atas, 42 kes mempunyai komorbid serta satu kes ibu hamil," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, dua negeri mencatatkan pengisian katil lebih 50 peratus bagi kes kritis atau unit rawatan rapi (ICU) iaitu Putrajaya (100 peratus) dan Selangor (52 peratus).

"Putrajaya juga mencatatkan peratusan pengisian katil bukan ICU lebih 50 peratus iaitu 64 peratus.

"Sementara itu, jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) menurun kepada 102 pesakit, dengan peratusan penggunaan ventilator 12 peratus," katanya.

Katanya, jumlah kluster baharu dikenal pasti kelmarin ialah dua kluster dengan 126 kluster masih aktif, sekali gus menjadikan 6,952 keseluruhan kluster setakat ini.



Teman anak cucuk vaksin

**PETUGAS** perubatan memberikan suntikan dos kedua vaksin Covid-19 kepada kanak-kanak di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya. Seramai 164,375 kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun sudah melengkapkan dos suntikan vaksin Covid-19 setakat semalam. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

## Kini 164,375 budak lengkap vaksinasi

**Kuala Lumpur:** Seramai 164,375 kanak-kanak berumur antara lima hingga 11 tahun atau 4.6 peratus daripada populasi berkenaan di negara ini lengkap menerima vaksinasi Covid-19 di bawah Program Imunisasi Kanak-Kanak Covid-19 Kebangsaan (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web Covidnow, seramai 1,368,326 kanak-kanak dalam kumpulan sama atau 38.5 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur antara 12 hingga 17 tahun, se-

**67.7%**  
 Peratusan populasi dewasa terima dos penggalak

**46,823**  
 Jumlah suntikan dos vaksin diberikan kelmarin

ramai 2,862,105 individu atau 92 peratus lengkap di-vaksinasi, manakala 2,963,947 atau 95.3 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi dewasa pula, seramai 15,933,049 individu atau 67.7 peratus menerima dos penggalak, manakala 22,957,974 atau 97.6

peratus melengkapkan kedua-dua dos vaksin dan 23,235,033 atau 98.8 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 46,823 dos vaksin diberikan kelmarin, membabitkan 32,183 sebagai dos kedua, 10,180 sebagai dos penggalak dan 4,460 dos pertama, menjadikan jumlah

lah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PicK) sebanyak 69,272,251.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 19 kematian akibat Covid-19 dilaporkan di Malaysia kelmarin, dengan Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu empat kes, diikuti Johor, Kedah, Perak, Sarawak dan Kuala Lumpur dengan masing-masing dua kes.

Melaka, Pulau Pinang dan Terengganu masing-masing merekodkan satu kes. - Ber-

## MDA batal kelulusan dua kit ujian kendiri

**Putrajaya:** Dua jenama kit ujian kendiri Covid-19 dibatalkan kelulusan bersyarat kerana gagal mematuhi syarat kelulusan diberikan Pihak Berkusa Peranti Perubatan (MDA).

MDA memaklumkan pembatalan berkenaan berkuatkuasa serta-merta dan menasihatkan pengguna untuk tidak membeli atau menggunakan kit ujian kendiri Covid-19 yang didapati tidak mematuhi keperluan MDA kerana diafikir tidak selamat untuk digunakan," katanya dalam Facebook rasminya, semalam.

"Berikut itu MDA menerangkan pengguna supaya tidak membeli atau menggunakan kit ujian kendiri Covid-19 yang didapati tidak mematuhi keperluan MDA kerana diafikir tidak selamat untuk digunakan," katanya dalam Facebook rasminya, semalam.

**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 7**  
**RUANGAN : LOKAL**

**Port Dickson:** Tiada lagi tolak ansur apabila 273 babi di sebuah ladang ternakan hamar di Kampung Baru Site A, Tanah Merah di sini, akan dilupuskan susulan kes jangkitan Demam Babi Afrika (ASF).

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan Datuk Bakri Sawir berkata, pelupusan itu akan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) di ladang berkenaan sebelum bangkai babi itu ditamat di satu lokasi lain sudah dikenal pasti.

Katanya, lubang yang disarankan akan digali di lokasi sejauh enam kilometer daripada ladang yang sedia ada.

"Kita akan tanam di tempat yang sudah ditetapkan dan akan menggali lubang

## Jangkitan ASF: 273 babi dilupus

**Kaedah pelupusan menggunakan karbon dioksida seperti mana dilakukan di negeri Melaka dan Perak susulan kes jangkitan serupa," katanya semalam.**

Katanya, tiada sebarang pampasan diberi memandangkan ladang babi itu beroperasi tanpa lesen.

Sementara itu, katanya, tindakan undang-undang turut akan diambil terhadap pengusaha ternakan babi tanpa lesen.

Berkenaan 19 pemilik ladang babi lain di kawasan berhampiran, Bakri berkata, mereka diminta memaklumkan kepada Jabatan Veterinar jika terdapat sintom jangkitan ASF.

"Ini kerana kebolehjangkitannya sangat tinggi. Sebelum ini mereka (pemilik ladang) pernah dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen."

**Bakri Sawir**  
 yang mempunyai kedudukan 40 kaki bagi mengelakkan ia berbau serta mengundang pencemaran lain.

"Kaedah pelupusan menggunakan karbon dioksida seperti mana dilakukan di negeri Melaka

"Terbaru, tiga ladang ternakan babi ini sudah dikenakan kompaun sebanyak RM2,000 atas kesalan menternak tanpa lesen," katanya sambil ditemani Pengarah Veterinar negeri, Dr Redzuan Ibrahim.

Bakri berkata, operasi pelupusan dijangka akan dilakukan pada pagi ini.

"Teknik pelupusan amat teknikal dan kita akan pastikan ia dapat dilakukan dengan berkesan dan ia perlu dilakukan untuk kebaikan semua pihak.

"Kos pelupusan belum dapat dipastikan dan kos akan ditanggung veterinar negeri. Seramai 43 kakitangan Veterinar negeri terlibat dalam operasi itu," ujarnya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

## Tahanan mati di lokap alami jangkitan paru-paru, positif Covid-19

**Kuala Lumpur:** Polis mengesahkan kematian seorang tahanan di Lokap Berpusat Indera Mahkota di Kuantan, Pahang, kelmarin.

Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman, Datuk Seri Azri Ahmad berkata, tahanan berusia 42 tahun itu dimasukkan ke lokap berkenaan Sabtu lalu.

Katanya, pemeriksaan mendapati tiada sebarang

unsur jenayah dan kecederaan dialami tahanan.

"Kematian diklasifikasi sebagai mati mengejut selepas doktor mengesahkan tahanan itu mengalami jangkitan paru-paru selain positif Covid-19."

"Unit Siasatan Jenayah dan Kematian Dalam Tahanan (USJKT) meneruskan siasatan daripada pelbagai sudut," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Beliau berkata, keputusan siasatan yang diper-

oleh kelak diserahkan kepada Koroner untuk keputusan.

Pada 21 Mac lalu, Azri dilapor berkata, lelaki terabit diantar ke lokap berkenaan bagi menjalani hukuman penjara selama lapan bulan atas kesalahan mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan menghadapi pertuduhan di mahkamah pada 14 April ini bagi kesalahan mengikut Seksyen 12 (2) akta sama.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

Oleh Meor Riduwan  
Meor Ahmad  
am@hmetro.com.my

**Melaka**

**H**ubungi mangsa dengan menyamar sebagai pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta mendakwa butiran peribadi mangsa dimanipulasi pihak ketiga bagi mendapatkan vaksin.

Ibu taktik terbaru sindiket penipuan Macau Scam selepas kerap menyamar sebagai pegawai polis, pegawai kastam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum ini.

Taktik itu dikesan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Melaka, selepas dua mangsa di negeri mengadu kerugian berjumlah RM259,642.

Ketua JSJK negeri, Superintendent E Sundra Rajan berkata, sindiket terbabit didakwa menghubungi mangsa dan memperkenalkan diri sebagai pegawai KKM.

Katanya, mangsa diberitahu bahawa butiran perbadinya digunakan oleh in-

# Menyamar pegawai KKM

*Dakwa info pendaftaran vaksin dimanipulasi*

dividu lain untuk pendaftaran penerimaan vaksin.

"Panggilan itu kemudian sambungkan kepada pegawai 'polis' yang akan memaklumkan mangsa terbabit kes per-

dividu lain untuk pendaftaran penerimaan vaksin. Mengulas lanjut katanya, pada 8 April lalu, polis kontingen Melaka menerima laporan daripada penuntut institusi pengajian tinggi berusia 21 tahun dan suri rumah berusia

60 tahun ditipu membebaskan modus operandi sama.

"Penuntut itu membuat laporan di Balai Polis Batu Berendam dengan mendakwa kerugian RM12,000 sementara suri rumah terbabit memaklumkan duit simpanannya berjumlah RM247,642 lesap. Laporan dibuat mangsa di Balai Polis Simpang Ampat.

"Katanya kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.

Sementara itu, Sundra Raja berkata, bagi tahun ini JSJK Melaka menerima 93 laporan penipuan Macau Scam dengan kerugian lebih RM321,543.92.

Sehubungan itu beliau menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati dengan panggilan mencurigakan dan menyemak nombor telefon atau nombor akaun yang diberikan suspek melalui <http://ccid.rmp.gov.my/se-makmule/> atau memuat turun aplikasi 'Semak Mule CCID' di Play Store sebelum melakukan apa-apa transaksi.

**Panggilan disambung kepada pegawai 'polis' maklum terbabit kes ubah wang haram**

Sundra

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

# Kurangkan virus merebak dalam tubuh

Berbeza daripada vaksin untuk mencegah, ubat Paxlovid membolehkan rawatan diberi kepada pesakit Covid-19

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

Pakar perubatan menyifatkan penggunaan ubat antiviral, Paxlovid sebagai 'game changer' dalam membantu negara menangani mengharungi fasa peralihan ke endemik.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mohammad Farhan Rusli berkata, berbeza dengan vaksin yang hanya diambil untuk mencegah, Paxlovid akan membolehkan rawatan diberi kepada pesakit



DR MOHAMMAD FARHAN

Covid-19.

Menurutnya, penggunaan ubatan tersebut juga secara langsung dapat mengurangkan jumlah pesakit yang berada dalam kategori tiga, empat dan lima.

"Ubat ini boleh mengurangkan merebak virus di dalam tubuh dan risiko kerosakan kepada organ dalam pesakit."

"Apa yang lebih signifikan ialah ubat ini boleh mengelakkan pesakit daripada masuk ke hospital dan juga mati disebabkan Covid-19," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Pada Isnin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan, Syarikat farmaseutikal tempatan, Pharamania Logistic Sdn Bhd (Pharmaniaga) menerima 48,000 stok pil untuk rawatan Covid-19 keluaran Pfizer, Paxlovid.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ubat itu disyorkan untuk rawatan pesakit Covid-19 dewasa berumur 18 tahun dan ke atas yang tidak memerlukan terapi oksigen dan berisiko tinggi untuk mendapat gejala yang teruk.

Dr Noor Hisham sebelum itu pada 3 Mac lalu telah mengumumkan bahawa mesyuarat Pihak Berkusa Kawalan Dادah (PBKD) kali ke-37 telah meluluskan penggunaan pil tersebut secara pendaftaran bersyarat untuk kegunaan semasa bencana.

Mengulas lanjut, Dr Mohammad Farhan berkata, pil Paxlovid adalah sama seperti ubat antiviral lain yang memiliki umur 18 tahun dan ke atas yang tidak memerlukan terapi oksigen dan berisiko tinggi untuk mendapat gejala yang teruk.

kesan sampingan tidak berat dan sangat minimum.

"Antara kesan sampingan adalah perubahan kepada deria rasa, cirit-birit, perubahan tekanan darah selain sakit-sakit sendiri dan lemah tubuh badan," ujarnya.

Pada masa sama, Dr Mohammad Farhan turut mengingatkan orang ramai bahawa ubatan antiviral itu tidak boleh diambil secara sesuka hati kerana hanya boleh diambil setelah individu tersebut diperiksa dan dienal pasti oleh pakar perubatan.

Sementara itu, beliau turut mengingatkan masyarakat agar tetap terus mengambil vaksin Covid-19 dan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) seperti pemakaian pelitup muka, pembersihan diri serta penjarakan fizikal kerana ia masih merupakan langkah paling optimum untuk mencegah Covid-19.

"Ubat merupakan rawatan dan harus dikira sebagai langkah terakhir bagi kita. Kita harus pegang pada prinsip, cegah itu lebih baik daripada rawat," kata beliau lagi.



Ubat Paxlovid disyorkan untuk rawatan pesakit Covid-19 dewasa berumur 18 tahun dan ke atas yang tidak perlu terapi oksigen dan berisiko tinggi.

## Tidak timbul isu ubat Paxloid kehabisan bekalan

**SHAH ALAM** - Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrahi Buang memaklumkan bahawa tidak timbul isu bekalan ubat antiviral, Paxlovid keluaran Pfizer akan kehabisan bekalan stok sekiranya ia mendapat permintaan tinggi dari-

pada orang ramai di negara ini.

Ujar beliau, antara sebabnya ialah ubat tersebut didaftarkan di bawah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan diteliti dari segi kualiti, keselamatan dan keberkesanannya terlebih dahulu.

"Yang keduanya, ubat ini akan digunakan untuk merawat penyakit maknanya ia masih lagi memerlukan preskripsi doktor."

"Maknanya ubat ini bukananya boleh senang-senang dapatkan di pasaran. Ubat ini akan digunakan kepada doktor yang merawat Covid-19," kataanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Mengulas lanjut, Amrahi menjelaskan, pakar perubatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau hospital swasta sahaja yang boleh menggunakan ubat Paxlovid untuk merawat pesakit Covid-19.

"Jika untuk tujuan rawatan, ia akan diguna oleh KKM atau hospital swasta. Dan semestinya ia akan dipakai oleh doktor pakar untuk tujuan perubatan."

"Jadi maknanya, tidak akan timbul (isu) ubat ini akan berada di pasaran luar



AMRAHI BUANG

dan sebagainya," ujarnya.

Dalam pada itu, Amrahi turut mengucapkan tahniah atas usaha kerajaan dalam mendapatkan ubat Paxlovid yang boleh digunakan untuk melawan Covid-19 dan menjadi sebagai ubat antiviral untuk aspek rawatan wabak berkenaan.

"Ini merupakan satu ubat yang boleh gunakan untuk merawat. Apabila kita kata untuk merawat, maksudnya dalam kita merawat itu, kita juga gunakannya untuk tujuan kajian tentang keberkesannya."

"Tahniah kepada kerajaan kerana mendapatkan stok ubat ini kerana agak sukar untuk mendapatkan ubat antiviral untuk Covid-19 ini."

"Jadi sekarang dengan adanya ubat ini, harap keadaan bertambah baik dan ia dapat digunakan untuk tujuan rawatan," jelasnya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Orang ramai yakini ubat Paxlovid

Kewujudan pil ini merupakan salah satu inisiatif dalam usaha merencangkan jangkitan serta simptom wabak Covid-19

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM



MUHD SYUKRI



AZIERA



HANAFI



NIK MUHAMMAD FARIHAN



MUHAMMAD SHAFIQ



NUR HAZWANI

**O**rang ramai berasa lebih berkeyakinan dan selamat untuk menghadapi pandemik Covid-19 dengan adanya ubat antiviral, Paxlovid di negara ini.

Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Muhd Syukri Ridhwandy Rahip, 22 berkata, rakyat sudah tidak lagi takut dan lebih berani untuk hidup dengan virus Covid-19 di negara ini.

"Kita sudah mula memasuki fasa peralihan endemik, jadi dengan pengambilan vaksin dan dos penggalak serta dengan adanya ubat Paxlovid ini, ia memberi perlindungan yang lebih optimum kepada diri."

"Ini adalah salah satu langkah yang terbaik buat rakyat bagi mula menyesuaikan diri dengan norma baharu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Pada Isnin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan, Syarikat farmaseutikal tempatan, Pharmaniaga Logistic Sdn Bhd (Pharmaniaga) menerima 48,000 stok pil untuk rawatan Covid-19 keluaran Pfizer, Paxlovid.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ubat itu disyorkan untuk rawatan pesakit Covid-19 dewasa berumur 18 tahun dan ke atas yang tidak memerlukan terapi oksigen dan berisiko tinggi untuk mendapat gejala yang teruk.

Dr Noor Hisham sebelum itu pada 3 Mac lalu telah mengumumkan bahawa mesyuarat Pihak Berkusa Kawalan Daerah (PBKD) kali ke-37 telah meluluskan penggunaan pil tersebut secara pendaftaran bersyarat untuk kegunaan semasa bencana.

Dalam pada itu, Pembantu Penyelidik, Aziera Adnan, 26 berkata, selain vaksin, kewujudan ubat Paxlovid merupakan salah satu inisiatif yang sangat baik dalam usaha merencangkan jangkitan serta simptom wabak Covid-19.

"Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh populasi dunia sememangnya membimbangkan, apakah lagi virus ini dilihat semakin pintar dalam beradaptasi

dengan bermutasi yang meningkatkan kebolehjangkitan virus ini."

"Ubat dan vaksin adalah usaha masyarakat antarabangsa secara bersama, tetapi untuk menjaga nyawa, itu adalah pilihan kita," ujarnya.

Selain itu, penganalisis dan perunding media, Hanafi Mohd Ali, 40 berkata, tidak ada sebab untuk rakyat menolak penggunaan ubat berkenaan sekiranya ia mampu menyembuhkan wabak dengan lebih cepat dan dapat mengurangkan kesannya selepas dijangkiti.

Tambahnya, kerajaan juga harus melaporkan jika ada kesan sampingan dan tahap keberkesanannya kepada umum serta panduan untuk mengambil ubat Paxlovid dari semasa ke semasa.

"Sebelum ini pun terdapat rakyat Malaysia menggunakan ubat seperti Ivermectin yang tidak disyorkan untuk mengatasi Covid-19 dan perubatan tradisional seperti herba-herba dan sebagainya, mengapa pula ubat yang digunakan khusus mengatasi penyakit ini harus ditolak?

"Kita mahu dan percaya Covid-19 ini akan menjadi seperti demam selesesama biasa dan dengan penggunaan ubat ini, ia akan menjadi lebih cepat dan kita akan menjalankan kehidupan bebas seperti

**F** Sekiranya penerangan diberi secara menyeluruh, saya pasti rakyat boleh menerima ubat ini sebagai salah satu kaedah rawatan Covid-19."

biasa," katanya.

Dalam pada itu, peniaga, Nik Muhammad Farihan Nik Mohd Anuar, 27 berkata, masyarakat perlu diberikan pendedahan berterusan mengenai maklumat berhubung ubat Paxlovid dan kepentingannya dalam melawan virus Covid-19 itu supaya masyarakat menjadi lebih yakin dengan ubat tersebut.

"Pada pendapat saya dengan adanya ubat Paxlovid ini, tahap keyakinan masyarakat masih kurang. Ini kerana kurangnya pendedahan dan iklan tentang virus covid-19 itu sendiri."

"Media dilihat kurang memberi penerangan tentang bahayanya Covid-19 dan betapa pentingnya informasi Paxlovid dalam merawat wabak berkenaan di negeri ini," jelasnya.

Di samping itu, penjawat awam, Muhammad Shafiq Shahizan, 34 turut menyokong bahawa penerangan me-

nyeluruh mengenai ubat Paxlovid itu perlu dibuat menggunakan semua platform media yang ada bagi memastikan rakyat dapat menerima ubat berkenaan.

"Untuk mengukur tahap keyakinan rakyat, perlu diperjelaskan dengan memberi penerangan secara menyeluruh berkenaan ubat ini dengan mengambil kira data kesan sampingan dan data keberkesanannya bagi meyakinkan rakyat.

"Sekiranya penerangan diberi secara menyeluruh, saya pasti rakyat boleh menerima ubat ini sebagai salah satu kaedah rawatan Covid-19," ujarnya.

Selain daripada itu, pekerja swasta, Nur Hazwani Saiful Azli, 26, berpendangan bahawa ujian klinikal perlu dilakukan terlebih dahulu bagi melihat sejauh mana keberkesanannya terhadap setiap individu.

"Pada pandangan saya, saya kurang yakin mengenai pil Paxlovid dalam menghadapi situasi Covid-19 sekarang kerana masih ramai yang teragak-agak untuk mengambil vaksin penggalak di tambah pulang dengan ubat Paxlovid yang masih baru ini."

"Mungkin perlu lakukan ujian klinikal di Malaysia terlebih dahulu untuk kita lihat sejauh mana keberkesanannya terhadap setiap individu," katanya.

**Info Paxlovid**

- Keluaran Pfizer
- Pil ubat antiviral Paxlovid mengandungi:
- Nirmatrelvir yang merentas protein SARS-CoV-2 dan menghalang virus daripada membikar.
- Ritonavir yang melewatkkan proses pemecahan nirmatrelvir dan membantu mengkekalkan kesan serta kepekatan antiviral dalam tempoh lebih lama.
- Penggunaannya disyorkan kepada orang dewasa berumur 18 tahun dan ke atas yang tidak memerlukan terapi oksigen serta berisiko tinggi mendapat gejala Covid-19 teruk.
- Paxlovid tidak boleh diberikan secara berterusan untuk lebih lima hari.
- Pemberian Paxlovid dilakukan segera selepas pesakit dikesan positif Covid-19 dan dalam tempoh masa lima hari gejala bermula untuk keberkesanannya yang optimum.
- Paxlovid diberikan secara oral tiga biji ubat (2 biji nirmatrelvir dan 1 biji ritonavir) untuk dua kali sehari selama 5 hari. Jumlah keseluruhan penggunaan adalah 30 biji.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



## Ek Eleh



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

# Ganja untuk perubatan akan diperhalusi

PM beri respons positif selepas Kaukus Medical Cannabis adakan pertemuan

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah memberikan respons positif terhadap industri ganja untuk tujuan perubatan dan akan dibincang serta diperhalusi dengan lebih teliti dalam mesyuarat kabinet.

Ia berikutan selepas Kaukus Medical Cannabis mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri pada Selasa bagi membincangkan isu-isu dasar berkaitan industri ganja untuk tujuan perubatan dan ketum untuk kegunaan di Malaysia.

Kaukus Medical Cannabis dalam satu kenyataan berkata, industri tersebut merupakan salah satu industri yang sedang giat dibangunkan oleh negara luar.

"Lebih 40 buah negara sudah membenarkan penggunaan kanabis untuk perubatan. Nilai pasaran industri ini cecah RM60 bilion, malah negara jiran seperti Thailand juga sedang mengkaji industri ini untuk negara mereka. "Justeru, Kaukus percaya Malaysia mempunyai ruang dan peluang yang besar dalam industri ini untuk tujuan perubatan, penyelidikan dan mampu memberi manfaat besar kepada negara," katanya.

Dalam pada itu, Kaukus tersebut turut membangkitkan isu berkaitan rakyat Malaysia yang didakwa di mahkamah dan disabitkan bersalah kerana penggunaan ganja untuk tujuan per-



ISMAIL SABRI

ubatan.

"Pandangan perundangan juga menjadi perhatian utama dalam pertemuan tersebut," katanya.

Kaukus Medical Cannabis adalah jalinan kerjasama dwi partisan antara ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Antara yang hadir dalam pertemuan tersebut antaranya, Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman; Ahli Parlimen Pengerang, Datuk Seri Azalina Othman Said dan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abd Samad.

Selain itu, Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Dr Xavier Jayakumar Arulanandam; Ahli Parlimen Penampang, Datuk Ignatius Darell Leiking; Ahli Parlimen Bandar Kuching, Dr Kelvin Yii Lee Wuen dan Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr Azman Ismail.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Kabinet bincang isu ketum, ganja untuk ubat

Oleh OMAR ZIN  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Isu-isu dasar berkaitan industri hem, ganja untuk tujuan perubatan (medical cannabis) dan ketum akan dibincang dan diperhalusi dengan lebih teliti dalam mesyuarat Kabinet.

Perkara itu disahkan oleh Kaukus Medical Cannabis setelah mengadakan pertemuan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam.

Kokus itu yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berkata, pertemuan tersebut membincangkan mengenai potensi industri tersebut dalam membantu bidang perubatan serta menjana ekonomi negara.

"Industri ini sedang giat

dibangunkan oleh banyak negara luar. Lebih 40 buah negara sudah membenarkan penggunaan kanabis untuk perubatan. Nilai pasaran industri ini cecah RM60 bilion. Mala Thailand juga sedang mengkaji industri ini untuk negara mereka.

"Kokus Medical Cannabis percaya Malaysia mempunyai ruang dan peluang yang besar dalam industri ini untuk tujuan perubatan, penyelidikan dan mampu memberi manfaat besar," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, Kaukus Medical Cannabis juga membangkitkan isu berkaitan rakyat Malaysia yang didakwa di mahkamah dan disabitkan bersalah kerana penggunaan ganja untuk tujuan perubatan, dengan pandangan perundungan juga menjadi perhatian utama dalam pertemuan rasmi tersebut.

"Perdana Menteri telah memberi respons yang positif dan isu-isu berkaitan industri ini akan dibincang dan diperhalusi dengan lebih teliti dalam mesyuarat Kabinet," katanya.

Tambahnya, jalinan kerjasama dwi-partisan antara Ahli-Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang dalam kokus tersebut membolehkan pelbagai langkah boleh diambil kerajaan berkaitan isu ini.

Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Ahli Parlimen Penggerang, Datuk Seri Azalina Othman Said; Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad; Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Dr. Xavier Jayakumar; Ahli Parlimen Penampang, Datuk Ignatius Darel Leiking, Ahli Parlimen Bandar Kuching, Dr. Kelvin Yee Lee Wuen dan Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr. Azman Ismail.



ISMAIL Sabri Yaakob ketika berjumpa dengan ahli Kaukus Medical Cannabis bagi membincangkan isu ketum, ganja untuk perubatan di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.

## MySejahtera: Khairy akan beri penjelasan kepada PAC

**PETALING JAYA:** Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin akan memberikan penjelasan berhubung isu MySejahtera dalam mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

*Utusan Malaysia* difahamkan, mesyuarat itu bakal berlangsung di Parlimen esok.

Isu kontroversi MySejahtera semakin menimbulkan tanda tanya apabila sumber keselamatan mendedahkan, data peribadi

kira-kira 38 juta pengguna MySejahtera berisiko dimanipulasi sindiket jenayah. Antarabangsa untuk kegiatan pemalsuan dokumen dan pelbagai penipuan lain.

Menurut sumber keselamatan, maklumat-maklumat peribadi seperti nombor telefon, nombor kad pengenalan dan alamat tempat tinggal dalam MySejahtera dipercayai dimuat naik di jaringan pelayan awan milik sebuah syarikat swasta.

Malah katanya, data-data yang disimpan di clouding web dipercayai berisiko tinggi digodam pihak lain untuk dimanipulasi bagi kegiatan jenayah.

Minggu lalu, Kementerian Kesihatan mengesahkan pangkalan data yang menyimpan segala maklumat daripada penggunaan aplikasi MySejahtera berada di Malaysia dan bukannya di Singapura seperti didakwa sesetengah pihak.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION / NEWS

## COVID CASES UNDER 5 DIGITS

# DIP WITH 7,739 NEW CASES IN LAST 24 HOURS

**Don't be complacent, warns Health D-G, as admissions for some cases see a rise**

FARAH SOLHI  
KUALA LUMPUR  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**M**ALAYSIA reported a total of 7,739 new Covid-19 cases on Monday, marking the second day of fresh infections under five digits.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the cumulative total of Covid-19 cases stood at 4,333,557.

He, however, said the public should not be complacent as the number of admissions for patients under categories 1 and 2 had shown a slight increase.

"There were high-risk cases coming from patients under these two categories, which required hospitalisation and Covid-19 Quarantine and Treatment Centre (PKRC) admissions as precautionary measures."

"There was a slight increase in hospital admissions yesterday (Monday), with 427 patients admitted compared with 382 patients on April 10."

A total of 240 patients out of the 427 were those under Categories 1 and 2, while the remaining 187 were under Categories 3, 4 and 5," he said yesterday.

He said the number of patients treated in Intensive Care Units (ICUs) remained at 174.

"However, the number of patients requiring breathing aid has increased by one to 102."

Dr Noor Hisham said 7,672 patients (99.13 per cent) were under categories 1 and 2, while the remaining 67 (0.87 per cent) were under Categories 3, 4 and 5.

"Of the 67 patients under categories 3,4 and 5, 24 were either unvaccinated or had received only one dose of the Covid-19 vaccine, 16 were vaccinated but had not received booster shots, and the remaining 27 were vaccinated and had received booster shots."

"Of the total cases recorded yesterday (Monday), 36 patients were senior citizens aged 60 and above, 42 were those with comorbidities and one was pregnant."

Dr Noor Hisham said 19 patients died of Covid-19 on Monday, bringing the death toll to 35,311.

"A total of 19,049 patients recovered yesterday, raising the total number of recoveries to 4,163,777."

On hospital bed utilisation, Dr Noor Hisham said 24 per cent of 11,700 normal beds, 20 per cent of



*A man receiving a Covid-19 vaccine booster dose at the Seberang Jaya Expo Site Vaccination Centre in Seberang Jaya, Penang, yesterday. PIC BY DANIAL SAAD*

861 ICU beds and four per cent of 7,056 PKRC beds were occupied.

"There are 126 active Covid-19 clusters nationwide, including the two detected yesterday (Monday)."

"This brings the cumulative total of clusters detected in the last two years to 6,952, and 6,826 of them have ended."

According to the Health Ministry's CovidNow data-sharing website, 67.7 per cent of the adult population in the country, or 15,933,049 people, had received a

booster shot up to Monday.

A total of 164,375 children aged 5 to 11 had received two doses of the Covid-19 vaccine, and 1,368,326, or 38.5 per cent, of children in the age group had received at least one dose.

Meanwhile, the Medical Device Authority (MDA) has revoked the conditional approval for two Covid-19 test kits made in China.

The test kits are Covid-19 Antigen Test Kit (colloidal gold) saliva manufactured by Anhui Deepblue Medical Technology and

Wiz Biotech Antigen Rapid Test (nasal swab) from Xiamen Wiz Biotech.

The test kits were imported by Innovac Technology Sdn Bhd and Conan Medical Technology Bhd, respectively.

In a statement on Facebook, MDA said it cancelled the approval as the companies failed to comply with the set requirements.

Up to early this month, 128 Covid-19 test kits sold in the market had been approved by MDA.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## 99.13% of new cases in Categories 1 and 2

KUALA LUMPUR: Malaysia recorded 7,739 new Covid-19 cases on Monday with 99.13% of them being reported in Categories One and Two, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Of the total, he said 67 cases or 0.87% were in Categories Three, Four and Five – with 24 cases involving unvaccinated or partially vaccinated individuals, 16 that had received two doses of the vaccine

but had not received the booster dose and 27 that had received the booster dose.

The additional new cases brought the cumulative number of Covid-19 cases in the country to 4,333,557.

Two new clusters were reported, bringing the total number of active clusters to 126,” he said in a statement yesterday.

He said 427 cases were admitted to the hospital on Monday of which

187 cases (43.8%) were in Categories Three, Four and Five, while the remaining 240 cases (56.2%) were in Categories One and Two.

The number of recoveries on Monday also exceeded the number of new cases when 19,049 recovered cases were reported, bringing the cumulative total to 4,163,777.

On the usage of health facilities dedicated for Covid-19 cases, he

said bed occupancy for critical or Intensive Care Unit (ICU) cases at Putrajaya was at 100% while Selangor was at 52%.

Bed usage at the Low Risk Covid-19 Quarantine and Treatment Centres (PKRC) nationwide was below 50%.

The national infectivity rate or Rt value on Monday was 0.84, with Selangor still registering the highest at 0.92 and Kelantan the lowest at 0.66, he added. — Bernama

## 'Step up to replace Rela'

### Everyone must play role to curb Covid-19, says Penang island mayor

By LO TERN CHERN  
andylo@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** Now that Rela volunteers are standing down on the island, it is time for market-goers to learn to manage Covid-19 precautions themselves.

Members of the People's Volunteer Corps, who have been stationed at markets since the first movement control order in March 2020, will be pulled to other duties.


Penang Island City Council (MBPP) mayor Datuk Yew Tung Seang said as the pandemic enters its third year, it is time for everyone to be responsible and play their role to prevent the spread of Covid-19.

“Rela and other agencies played an important role during the early stages when Covid-19 hit our country.”

“Public markets received a lot of visitors daily so it was crucial for these places to be constantly monitored.”

“Many markets hired Rela volunteers and some roped in local community members such as Village Community Management Councils to help.”

“For smaller markets, crowd control was taken care of by the traders themselves,” he said yesterday.



**Popular spot:** People visiting the famous Ramadan bazaar at Lebuh Queen in Penang.  
— LIM BENG TATT/The Star

But that is not the case any longer and people need to be responsible and embrace the new norms, he added.

Yew said the council thanks all who provided help and services throughout the period.

“The main reason for having personnel stationed at market entrances was because at that time, many were still unfamiliar with the stand-

ard operating procedure (SOP), especially the one-entrance-one-exit rule.”

Now that Malaysia is moving into the endemic phase, he added, it was time for people to stay vigilant and manage themselves.

“Everyone should already be used to wearing face masks, scanning their MySejahtera app and maintaining physical distancing.

“This practice needs to be continued.”

“MBPP will continue to work together with other relevant agencies to conduct periodical spot checks to ensure that visitors and traders follow the SOP, which will be updated by the National Security Council from time to time,” he said.

At present, there are 28 active markets on Penang island.

**Over 160,000 children fully jabbed**

KUALA LUMPUR: A total of 164,375 children aged between five and 11 or 4.6% of their population in the country have completed the Covid-19 vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) as of Monday.

Based on the CovidNow website, a total of 1,368,326 children in the age group, or 38.5%, have received at least one dose of the vaccine, reported Bernama.

For adolescents aged between 12 and 17, a total of 2,862,105 individuals or 92% have completed the vaccination, while 2,963,947 or 95.3% have received at least one dose of the vaccine.

As for the adult population, a total of 15,933,049 individuals or 67.7% of their population have received the booster dose, while 22,957,974 or 97.6% have completed both doses of the vaccine and 23,235,033 or 98.8% have received at least one dose of the vaccine.

A total of 46,823 doses of the vaccine were dispensed on Monday, 32,183 as the second dose, 10,180 as booster and 4,460 as the first dose, bringing the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme (PICK) to 69,272,251.

Meanwhile, according to the Health Ministry's GitHub portal, 19 deaths due to Covid-19 were reported in Malaysia on Monday, with Selangor still recording the highest at four cases, followed by Johor, Kedah, Pahang, Perak, Sarawak and Kuala Lumpur with two cases each.

Melaka, Penang and Terengganu recorded one case each.

AKHBAR : THE SUN ON WEDNESDAY

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# 'Use only MDA-approved Covid-19 test kits'

► Accuracy of results, safety depend on use of devices that meet conditions and standards set by regulatory body

■ BY MUHAMMAD YUSRY  
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** False-positive or false-negative results from unapproved Covid-19 test kits will affect statistics on cases reported daily in Malaysia, as the performance or quality of unapproved kits may be suspect, said Universiti Malaya Institute of Biological Research virologist Dr Muhamad Afiq Aziz.

On Monday, the Medical Device Authority (MDA) said in a statement that it had revoked its conditional approval for two brands of Covid-19 Rapid-Test Kits (RTK) from China as they failed to comply with the approval conditions set by the authority.

Muhamad Afiq said as the nation moves towards an endemic phase, regular testing is

necessary to protect the people.

He added that choosing an MDA-approved test kit is crucial to ensure the safety and accuracy of results.

"We use rapid test kits to check our Covid-19 status before we return to work or school. If the kit we use is not approved by the regulatory body, it will affect our decision whether to go into quarantine."

"A good test kit is important as an extra safeguard to control virus transmission at work, school or other places."

Muhamad Afiq reminded the public to only purchase MDA-approved test kits.

The kits that were revoked by MDA are Deepblue by Innovac Technology Sdn Bhd and Wiz Biotech by Conan Medical Technology Berhad.

MDA's conditional approval, which started in July, is a temporary move for test kits so that the devices could be supplied and used immediately to facilitate the detection and control of Covid infections in the country.

In other countries, test kits have also been granted temporary or conditional approval such as through Emergency Use Authorisation in the US and Provisional or Interim Authorisation in the United Kingdom and Singapore.

MDA has advised consumers not to purchase or use Covid self-test kits that do not comply with its requirements as they may be unsafe.

On Monday, Health Minister Khairy Jamaluddin tweeted that his ministry had received several complaints about Covid-19 test kits that are currently available in the market.

"MDA has tested 22 brands of test kits and as of now, we have obtained results from 12. We have found that two brands do not meet the required standards. Conditional approval for both the brands have been revoked," he said.

AKHBAR : THE SUN ON WEDNESDAY

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Call for commission to protect rights of disabled

**KUALA LUMPUR:** The government has been urged to set up an independent commission that is accountable to Parliament to monitor the implementation of the development agenda for Persons with Disabilities (PWD), including the PWD Act 2008.

Senator Datuk Ras Adiba Radzi, who represents the PWD community in the Dewan Negara, said the establishment of the commission would enable the group to channel

any complaints, appeals and petitions related to violation of their rights.

"The commission for PWD must be given the leverage, resources and power to investigate complaints on violations of the rights of PWD in accordance with the United Nations law. Currently, there is prevalence of discrimination, violation of the rights of PWD and abuse of PWD children."

"The commission should be set up immediately by the government to

protect the rights and welfare of the PWD community in the country, and it would be a starting point in resolving various issues and problems faced by them, including abuse of children with disabilities," she said in a statement yesterday.

The OKU Sentral president said the Human Rights Commission of Malaysia and the Social Welfare Department, which have a broad role, could not focus specifically on the issues and problems of PWD in

the country.

Citing India, Ras Adiba said a special commission for PWD was set up under the Ministry of Social Justice and Empowerment, with the chief commissioner given the mandate to coordinate the work of state PWD commissioners, monitor the use of funds and take measures to protect the rights and facilities of the community.

She also proposed the establishment of a tribunal,

comprising experts on the rights of PWD to deal with cases of violations.

"The tribunal would provide much cheaper and faster access to justice. A tribunal hearing is also less problematic and stressful than a proceeding before the courts."

"To realise the government's commitment through the Malaysian Family slogan, I hope the government can redouble its efforts in empowering the PWD community in Malaysia," she said. - Bernama

## 61 students sickened by toxic vapours after acid spill

**JITRA:** A total of 61 Sekolah Menengah Agama Nurul Islam students from Ayer Hitam near here were being treated at hospitals and clinics after inhaling sulphuric acid vapours after a spill occurred in an incident yesterday morning.

Kubang Pasu district police chief Supt Rodzi Abu Hassan said the spill occurred at about 10.30am when three workers from a contractor company were moving and transferring barrels of expired sulphuric acid.

"Following the spill, the wind spread the

vapours into a classroom where the students were attending class.

"A total of 61 students aged 14 to 17 were sent to Jitra Hospital, Sultanah Bahiyah Hospital, and Alor Star and Ayer Hitam clinics for treatment. They are all under observation and have received outpatient treatment," he said yesterday.

Swift action by school authorities, the Fire and Rescue Department and Health Ministry officials managed to control the situation.

Rodzi said most of the students

experienced nausea and headaches, but all the nine boys and 52 girls were in stable condition.

Meanwhile, Kedah Fire and Rescue Department director Asst Senior Fire Commissioner Sayani Saidon said they received a distress call at 12.20pm about the spill and a team from the Jitra Fire and Rescue station was dispatched to the location.

He added that the team has finished cleaning the spill and ventilation works by 2.45pm. - Bernama

## 69 million vaccine doses administered

**KUALA LUMPUR:** A total of 164,375 children aged five to 11 in the country received the first dose of Covid-19 vaccine under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children on Monday.

According to the CovidNOW website, 1,368,326 children in the age group have received at least one dose of the vaccine.

A total of 2,963,947 adolescents aged 12 to 17 have received at least one dose of the vaccine, including 2,862,105 who have been fully vaccinated.

A total of 15,933,049 of the adult population have received their booster shots and 23,235,033 have received at least one dose of the vaccine, including 22,957,974 who have been fully vaccinated.

On Monday, a total of 46,823 doses of vaccine were administered, with 4,460 as first doses, 32,183 as second shots and 10,180 boosters, bringing the cumulative total vaccine doses given under the National Covid-19 Immunisation Programme to 69,272,251.

According to the Health Ministry GitHub portal, 19 deaths due to Covid-19 were recorded on Monday, with Selangor recording the highest number at four cases, followed by Johor, Kedah, Pahang, Perak, Sarawak and Kuala Lumpur with two cases each.

Malacca, Penang and Terengganu recorded one case each. - Bernama